



Headline: Peniaga rugi RM9,800 ditipu Macau Scam
Publication/Portal: Kosmo
Date: 27 January 2018

Language: Malay
Section: Negara
Page: 14

Peniaga rugi RM9,800 ditipu Macau Scam

SIBU - Seorang peniaga mengalami kerugian sebanyak RM9,800 apabila menjadi mangsa penipuan sindiket Macau Scam yang dilakukan seorang lelaki yang menyamar sebagai pekerja dari Bank Negara Malaysia (BNM) kelmarin.

Ketua Polis Daerah Sibu, Asisten Komisioner Stanley Jonathan Ringgit (**gambar**) berkata, mangsa berusia 61 tahun menyedari dia ditipu selepas membuat enam transaksi secara deposit tunai ke atas akaun yang diberikan suspek.

Menurutnya, sebelum kejadian, mangsa menerima panggilan daripada seorang lelaki yang mengaku seorang pekerja dari BNM mendakwa dia mempunyai tunggakan kad Visa berjumlah RM3,900.

"Lelaki itu kemudiannya meminta mangsa menyelesaikan tunggakan berserta bayaran denda dengan kadar segera bagi mengelakkan sebarang kesulitan.

"Mangsa kemudiannya memasukkan wang berjumlah RM9,800 menerusi enam transaksi ke dalam akaun Bank Simpanan Nasional (BSN) seperti yang diberikan lelaki berkenaan," katanya ketika dihubungi semalam.

Katanya, selepas membuat transaksi, suspek kemudiannya menghubungi mangsa dan memberitahu dia perlu membuat tambahan bayaran berjumlah RM20,000.

"Pengadu yang mula syak kemudiannya memutuskan talian telefon dan terus membuat laporan polis kerana merasakan dia sudah ditipu.

"Polis percaya suspek cuba memperdayakan mangsa membuat pembayaran tunggakan kad Visa yang tidak wujud," ujarnya.

Kes ini masih dalam siasatan dan disiasat mengikut Seksyen 420 kanun keseksaan kerana menipu.

